

14 OCT 1996

Mahathir-TNB

KERAJAAN MUNGKIN SETUJU ATAUPUN TIDAK DENGAN TNB MENGENAI REBET, KATA PM

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mungkin setuju ataupun tidak dengan cadangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk tidak memberi rebet kepada pengguna sebagai pampasan gangguan bekalan elektrik di seluruh Semenanjung 3 Ogos lepas.

Kata beliau Kabinet perlu mengkaji perkara itu dengan sewajarnya, terutamanya dari segi implikasinya kerana kerajaan mempunyai saham yang besar dalam TNB.

"Nampaknya di negara-negara lain, mereka tidak membayar, oleh itu sekiranya kita membayar maka kita melanggar amalan biasa, dan ini mungkin akan memberi implikasi yang serius sekiranya kita berbuat demikian.

"Oleh itu saya fikir saya tidak boleh memberi pendapat sekarang, hanya yang saya dapat katakan ialah kami akan mengkaji dengan sewajarnya, mungkin kami akan setuju dengan TNB dan sebaliknya mungkin tidak," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan satu persidangan dan pameran Reka Bentuk Malaysia di sini.

Perdana menteri diminta mengulas mengenai cadangan TNB itu dalam satu laporan kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie baru-baru ini, yang antara lain menyatakan bayaran pampasan kerana gangguan bekalan elektrik tidak diamalkan di kebanyakan negara termasuk Amerika Syarikat.

Diminta menjelaskan lagi maksud 'mungkin bersetuju ataupun tidak itu', Dr Mahathir berkata: "Kami perlu dibenarkan berfikiran terbuka mengenai ini, kami tidak boleh komited dengan apa-apapun."

Perdana Menteri berkata beliau akan berfikiran termuka mengenai perkara itu.

Ditanya sama adakan pengguna-pengguna perlu diberi sebarang bentuk rebet, beliau berkata: "Saya tidak tahu apa yang diamalkan di negara-negara lain, saya fikir adalah adil sekiranya rebet diberikan tetapi negara-negara lain berkata tidak adil."

TNB telah mengkaji mengenai rebet ini tetapi memandangkan perkara ini agak serius dan meluas, eloklah bagi Kabinet mengkaji laporan daripada TNB terlebih dahulu, kata beliau sambil membayangkan bahawa ia mungkin dibincangkan pada mesyuarat Kabinet minggu ini. -- BERNAMA

AFY AA WAT